



**Siaran Akhbar Bersama  
Autoriti Monetari Brunei Darussalam dan Monetary Authority of Singapore**

**ULANGTAHUN KE-50 PERJANJIAN KESALINGBOLEHTUKARAN MATAWANG  
DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN SINGAPURA  
12 Syawal 1438H bersamaan dengan to 5 Julai 2017M**

---

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura telah berkenan bersama-sama melancarkan matawang peringatan bernilai \$50 yang dikeluarkan oleh kedua-dua buah negara didalam satu majlis yang diadakan pada hari ini di Istana, Singapura, sempena dengan Sambutan Ulangtahun Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang yang ke-50 atau *Currency Interchangeability Agreement* di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.
2. Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang telah dikuatkuasakan pada 12 Jun 1967 di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bagi memudahkan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara, dan ianya merupakan kerjasama ekonomik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang utama. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Matawang Brunei (sekarang dikenali sebagai Autoriti Monetari Brunei Darussalam) dan Pengerusi Lembaga Pesuruhjaya Matawang, Singapura (telah bergabung dengan Monetary Authority of Singapore pada tahun 2002).
3. Di bawah perjanjian tersebut, autoriti-autoriti monetari dan bank-bank komersial di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dimestikan untuk menerima dan membuat pertukaran SGD dan BND daripada orang ramai dan perniagaan-perniagaan, dengan nilai yang sama tanpa caj.
4. Perjanjian tersebut telah menolong dalam pertumbuhan ekonomi dan telah mengukuhkan lagi hubungan kewangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Pelancaran bersama matawang kenang-kenangan bernilai \$50 pada hari ini mengesahkan lagi kepada orang ramai, peniaga-peniaga dan institusi-institusi kewangan bahawa matawang di kedua-dua buah negara masih lagi boleh disalingtukar dengan nilai yang sama.

5. Orang ramai boleh mendapatkan matawang kenang-kenangan tersebut di kedua-dua buah negara bermula pada hari ini, 5 Julai 2017, jam 2 petang, manakala matawang edaran atau *circulation notes* boleh diperolehi daripada semua bank-bank dan cawangan mereka di seluruh negara pada hari Jumaat, 7 Julai 2017 mulai jam 2 petang.
6. Maklumat lanjut mengenai dengan ulang tahun Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang ke-50 di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui “App Store” bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 12 Syawal 1438 / 5 Julai 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3